

Agihan pendapatan ASB2 4.25 peratus, ASM 4.0 peratus

Pengagihan
pendapatan
lebih tinggi
berbanding
penanda aras

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) mengumumkan agihan pendapatan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) masing-masing sebanyak 4.25 peratus dan 4.0 peratus untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021.

Syarikat pengurusan unit ama-

nah milik penuh Permodalan Nasional Bhd (PNB), berkata ia adalah lebih tinggi berbanding dengan penanda arasnya, iaitu Deposit Tetap 12 Bulan Maybank sebanyak 1.95 peratus.

ASNB dalam satu kenyataan berkata, bagi dana harga tetap, ASB2, jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM488.2 juta, memanfaatkan 459,416 pemegang unit yang memiliki 11.5 bilion unit.

Manakala ASM pula katanya, pembayaran agihan pendapatannya sebanyak RM851.2 juta, memanfaatkan 559,222 pemegang unit dengan pegangan 21.3 bilion unit.

ASNB berkata, sehingga 25 Mac lalu, ASB2 mencatatkan pendapatan bersih direalisasikan sebanyak RM499.0 juta, manakala ASM mencatatkan pendapatan bersih direalisasikan sebanyak RM727.6 juta.

Sementara itu, bagi dana har-

ga berubah, ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 masing-masing mencatatkan pulangan sebanyak 18.7 peratus, 17 peratus dan 10.8 peratus.

Pulangan yang tinggi ini katanya, didorong pemulihan pasaran ekuiti daripada prestasi terendah pada tahun 2020.

“Dengan pulangan ini, ASNB mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM76.4 juta bagi ASN Equity 3, iaitu 3.53 sen seunit kepada 86,306 pemegang unit dengan pegangan 2.2 bilion unit.

“ASN Imbang 2 pula sebanyak RM45.4 juta, 3.11 sen seunit kepada 85,147 pemegang unit dengan pegangan 1.5 bilion unit, manakala ASN Sara 1 pada RM91.8 juta, 3.52 sen seunit kepada 85,776 pemegang unit dengan pegangan 2.6 bilion unit,” katanya.

ASNB berkata, pengagihan pendapatan yang diumumkan oleh dananya itu diperoleh daripada keuntungan dana yang direalisasikan, dividen dan pendapatan lain.

Pendapatan daripada pelaburan antarabangsa untuk setiap dana katanya, turut meningkat 40 hingga 52 peratus daripada jumlah pendapatan terkini dalam tahun kewangan semasa.

Ini katanya, mencerminkan impak positif hasil daripada inisiatif kepelbagaian yang dilaksanakan oleh dana terbabit.

“Walaupun pandemik COVID-19 mewujudkan pelbagai cabaran, PNB akan terus melaksanakan strategi kepelbagaian dengan meningkatkan pelaburan dalam pasaran global dan kelas-aset lain seperti hartanah, pelaburan swasta dan instrumen pendapatan tetap,” katanya.